

**UNTUK SIARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KPM KOMITED TERUS PERKASAKAN  
PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH**

Pendekatan manusiawi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memastikan murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) mendapat pendidikan berkualiti tinggi, relevan dengan keperluan semasa dan pada masa hadapan. Ini diterjemahkan menerusi sistem Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) yang merupakan satu bentuk pentaksiran khusus untuk mentaksir kemampuan dan kebolehan MBPK bagi membangunkan potensi berdasarkan konsep mengesan kebolehan dalam ketidakbolehan.

PASM bertujuan mengiktiraf kebolehan dan keupayaan MBPK menerusi penganugerahan Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM). MBPK di sekolah menengah yang tidak menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) boleh menduduki PASM dan memperoleh SASM.

PASM terbuka kepada semua MBPK yang berada di institusi pendidikan yang berdaftar dengan KPM dan dilaksanakan secara berterusan ketika calon PASM berada pada peringkat menengah dengan menggunakan *Environment-based Assesment Instrument* (EBAI) dan Dokumen Standard Pentaksiran Alternatif. PASM dilaksanakan secara sistematik dan berbantukan teknologi bermula daripada pendaftaran hingga ke pensijilan SASM.

Melalui kaedah pentaksiran alternatif ini, ibu bapa atau penjaga MBPK dapat mengetahui perkembangan pembelajaran anak-anak. Ia merangkumi lima *domain* utama, iaitu Kerohanian dan Nilai Murni; Akademik Fungsian; Pembangunan Personal dan Kemahiran; Interpersonal; Hidup Berdikari dan Pembangunan Kerjaya.

KPM sentiasa berusaha memperkasakan pendidikan MBPK menerusi pengiktirafan, motivasi dan keyakinan bahawa mereka mempunyai potensi untuk cemerlang dalam sesuatu bidang. Murid MBPK yang tamat persekolahan diharapkan mempunyai sekurang-kurangnya kemahiran asas yang dapat membantu mereka menceburi bidang pekerjaan bersesuaian dengan tahap keupayaan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan Malaysia MADANI.

Usaha murni pelaksanaan PASM membuktikan komitmen berterusan KPM untuk memastikan ekuiti dan kesamarataan pendidikan untuk semua murid seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Ia juga adalah cerminan agenda pendidikan manusawi KPM yang memastikan akses pendidikan yang terbaik untuk semua murid dan tiada siapa yang terpinggir.

**- TAMAT -**

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
26 FEBRUARI 2024**